



# Sekat petualang ragut kegembiraan

Setiap kali menjelang musim perayaan besar seperti Ramadan dan Aidilfitri, isu mercun terus mencuri perhatian umum. Hampir setiap tahun, kita disajikan pelbagai berita kecederaan dan kecelakaan angkara bermain mercun.

Anak-anak terus menjadi mangsa setiap musim perayaan seperti ini dan apa yang pasti sehingga kini belum nampak tanda musibah ini akan menemui titik noktah.

Justeru, kita perlu mengambil langkah serius memerangi mercun ini habis-habisan dengan melancarkan kempen 'Katakan Tidak Pada Mercun' secara besar-besaran demi menyelamatkan anak kita.

Keadaan ini cukup signifikan untuk diberi perhatian kerana pada tahun ini sudah ada kes meragut kegembiraan menyambut Aidilfitri. Seorang pelajar tingkatan satu di Besut misalnya putus lima jari tangan kanan selepas terkena mercun, baru-baru ini. Mangsa, Syafiq Haikal Shahrudin dilaporkan cedera parah di pergelangan tangan kanan dan putus semua jari.

Dalam satu lagi kejadian di Machang, seorang kanak-kanak berusia 11 tahun cedera parah tangan kanan apabila sebahagian empat jarinya hancur terkena mercun bola milik bapanya.

Kejadian seumpama ini membuktikan walaupun setiap tahun kita didedahkan dengan pelbagai berita kecederaan dan musibah yang menimpa anak angkara bermain mercun, anak tetap tidak serik dan masih gagal mengambil iktibar. Ini menggambarkan seolah-olah Ramadan dan Aidilfitri tidak lengkap jika tidak dihiasi dengan dentuman bunga api dan mercun.

Hakikatnya mereka lupa saban tahun pesta mercun dan bunga api pasti membawa khabar pilu dan derita kepada anak kita. Lebih malang lagi anak kita memperagakan daya kreativiti mereka di tempat salah dan merugikan dengan mengubah suai ataupun membuat sendiri mercun mengikut kehendak masing-masing yang akhirnya mengancam diri sendiri.

Antara punca berlakunya insiden sebegini kerana ada pihak tidak bertanggungjawab menjual bahan terlarang ini walaupun pelbagai usaha dilakukan pihak berkuasa untuk membendung dan menghalangnya. Kerancangan sambutan Ramadan dan Aidilfitri sekali gus mencetuskan keterujaan dalam aktiviti penyeludupan dan penjualan mercun serta bunga api yang tidak dibenarkan.

Dari aspek penjualan, misalnya

**Ibu bapa yang lalai, leka, cuai dan terus membenarkan anak membeli dan bermain mercun patut dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya**

jika sebelum ini penjualan mercun dilakukan secara sembunyi, sekarang peniaga dilihat lebih berani dan semakin licik menggunakan pelbagai kaedah untuk menjual mercun termasuklah menggunakan media sosial Facebook.

Mengambil kira senario ini, penulis percaya menjelang Aidilfitri nanti pasti lebih banyak lagi usaha dilakukan pihak tidak bertanggungjawab untuk menyeludup bahan terlarang ini demi meraih keuntungan berlipat ganda dalam jangka masa pendek.

Ini membuktikan betapa kumpulan ini tidak pernah berputus

asa, malah sentiasa menunggu peluang menanggung di air keruh. Walaupun pihak berkuasa sentiasa menggiatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya menjelang musim perayaan, aktiviti penyeludupan dan penjualan mercun tetap tidak dapat dibendung sepenuhnya hingga hari ini.

Apapun, perkara lebih membingungkan ialah pesta mercun dan bunga api ini saban tahun meningkatkan jumlah kemalangan dan kecacatan fizikal dalam kalangan kanak-kanak di negara kita. Bilangan anak yang kudung, buta dan cacat anggota badan secara kekal akibat penggunaan mercun dan bunga api dilihat semakin bertambah dan merisaukan semua pihak.

Kedatangan Aidilfitri seolah-olah tidak lagi menjanjikan kegembiraan diharapkan kepada sebilangan besar kanak-kanak dan ibu bapa di negara ini.

Justeru, semua pihak perlu berganding bahu dan menyokong kempen 'Katakan tidak pada mercun' agar kita dapat perangi mercun habis-habisan. Ia tidak mustahil kerana kita perlu ingat bahawa tidak akan ada penawaran andai tiada permintaan. Jualan mercun berleluasa kerana anak kita mahukannya.

Walaupun pihak berkuasa berusaha keras membanteras penyeludupan dan penjualan mercun,

tanpa kerjasama dan komitmen ibu bapa dan masyarakat, masalah ini sukar ditangani.

Dalam isu ini, kita mengharapkan pihak berkuasa memainkan peranan seperti biasa, misalnya pintu sempadan terus dipantau dan dikawal sepenuhnya dengan lebih ketat. Ini kerana bekalan mercun dikatakan diseludup masuk dari negara jiran dan kita percaya aktiviti penyeludupan ini bakal rancak menjelang Aidilfitri tidak lama lagi.

Justeru, elemen penguatkuasaan perlu dilipatgandakan supaya aktiviti penyeludupan dapat dikendalikan. Dalam pada itu pihak yang menyeludup dan ditangkap pula perlu dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukuman keras dan setimpal supaya menjadi iktibar dan pengajaran kepada orang lain agar tidak melakukan perbuatan yang sama.

Malah, penulis ingin mencajandangkan ibu bapa yang lalai, leka, cuai dan terus membenarkan anak membeli dan bermain mercun turut dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya.

Di samping tanggungjawab pihak berkuasa, peranan ibu bapa dan masyarakat juga ditagih dalam mengatasi kemelut ini di mana mereka perlu lebih agresif dan aktif mengawal anak daripada terjebak dengan pesta mercun ini.

Sematkan dalam diri dan pemi-

kiran anak untuk katakan tidak pada mercun. Kita perlu memastikan anak tidak membazir dengan membeli mercun yang akhirnya mengancam nyawa mereka.

Lebih malang lagi, jangan kita membelikan mercun untuk bermain dengan kawan-kawan mereka. Pantau semua aktiviti anak terutamanya di musim perayaan seperti ini. Mereka bukan saja membeli mercun malah yang terlebih cerdik dan nakal itu mula mengubah suai mahupun membuat mercun sendiri yang lebih berbahaya dan boleh mengancam keselamatan diri masing-masing.

Selama itu, bermain mercun dilihat menjadi satu adat dan tradisi dalam kalangan masyarakat kita terutamanya anak ketika menyambut perayaan, namun kita perlu sedar betapa tradisi berbahaya seperti ini tidak wajar dibudayakan mahupun diteruskan.

Sudah sampai masanya kita mengubah tradisi seperti ini dan katakan tidak pada mercun. Biarlah kita sambut Ramadan dan Aidilfitri dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Jangan sesekali biarkan mercun meragut kegembiraan tersebut. Jom kita perangi mercun habis-habisan.

**Penulis Timbalan Pendaftar  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia**

## Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

